

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)61**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

61. Berkenaan Social Impact Management Plan di bawah projek Silicon Island.
- (a) Berapa nelayan telah menerima bayaran ex-gratia dan bot baharu?
  - (b) Berapa anak nelayan telah menyertai program-program bantuan pendidikan?
  - (c) Berapa pekerja warga Pulau Pinang yang sedang berkhidmat dalam projek ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

61. (a) Pembayaran *ex-gratia* dilaksanakan dalam dua (2) fasa pembayaran iaitu fasa pertama 75% dan fasa kedua 25%. Pembayaran hanya dibuat selepas status nelayan disahkan sebagai aktif oleh Jabatan Perikanan Negeri. Sehingga 31 Mac 2024, seramai 877 daripada 905 orang nelayan atau 96.9% telah mendaftar untuk mendapatkan pakej Social Impact Management Plan (SIMP) ini. Perincian pembayaran *ex-gratia*

dan pemberian bot & enjin baharu sehingga kini adalah seperti berikut:

### **Ex-gratia**

Sehingga kini, seramai 200 orang nelayan telah menerima 100% bayaran *ex-gratia* dan seramai 357 orang nelayan telah menerima 75%. Manakala baki bilangan nelayan masih dalam semakan dan pembayaran dijangka selesai pada hujung tahun 2024 ini.

### **Bot & Enjin Baharu**

Seramai 318 orang nelayan dari unit Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul (kawasan Tahap 1) yang memiliki bot (tekong) adalah layak menerima bantuan bot dan enjin baharu daripada Kerajaan Negeri.

Sehingga kini, seramai 71 orang nelayan berkategori tekong telah menerima bot dan enjin baharu di bawah skim SIMP. Penyerahan bantuan ini juga dilaksanakan secara berfasa. Pada masa ini, keutamaan diberi kepada nelayan unit

Permatang Tepi Laut yang paling berhampiran dengan tapak penambakan *Silicon Island*.

- (b) Seramai 32 orang anak nelayan telah menerima hadiah kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) manakala 17 orang anak nelayan menerima hadiah kecemerlangan kerana mendapat keputusan peperiksaan semester yang baik. Seramai 49 orang anak nelayan di darjah 1 hingga tingkatan 6 juga menerima tajaan yuran tuisyen di bawah program Jaya Didik. Tajaan yuran tuisyen dan hadiah akademik yang diberikan kepada anak nelayan bertujuan menggalakkan usaha yang lebih gigih agar boleh mendapat peluang pekerjaan yang baik pada masa hadapan dan menyumbang kepada ekonomi negeri dan negara.
- (c) Projek PSI telah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan untuk rakyat Pulau Pinang sejak dari tahun 2016 lagi sehingga April 2024 sebanyak 144 rakyat tempatan Pulau Pinang dibuka peluang pekerjaan. Antara 144 orang kakitangan ini terdapat beberapa orang kakitangan yang berkhidmat sebagai pegawai maklumat di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) adalah merupakan bekas nelayan dan anak nelayan.

Manakala terdapat lima (5) orang nelayan yang lulus kursus jurumudi tajaan Kerajaan Negeri di bawah skim SIMP juga telah diambil bekerja sebagai jurumudi yang membawa pekerja ke tapak projek. Kakitangan yang selebihnya pula bekerja di pelbagai bahagian seperti kewangan, sumber manusia, komunikasi, pemasaran, pengurusan projek, kejuruteraan, teknologi maklumat (IT) dan lain-lain.